

29 DEC 2002

KONSEP RUMAH TERBUKA CAPAI MATLAMAT PERPADUAN KAUM

MELAKA, 29 Dis (Bernama) -- Konsep rumah terbuka yang dianjurkan oleh kerajaan berjaya mencapai matlamat perpaduan kaum melalui sambutan perayaan di negara ini, kata Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir.

Beliau berkata konsep itu juga dapat mewujudkan suasana hidup masyarakat Malaysia yang harmonis, menghormati antara satu sama lain serta berkongsi perayaan walaupun berlainan bangsa, agama dan adat resam.

"Inilah uniknya Malaysia yang tidak terdapat di lain-lain negara di dunia. Hubungan kasih sayang antara rakyat di negara ini ditunjukkan dengan dapat berhimpun bersama dan meraikan sambutan rumah terbuka secara bersama," katanya ketika ditemui selepas menghadiri majlis Rumah Terbuka Kebangsaan Krismas di Hang Tuah Mall di sini malam tadi.

Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah Tengku Abd Rashid berkenan menghadiri majlis rumah terbuka itu yang diadakan dengan penuh meriah.

Turut hadir ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Yang Dipertua Negeri Tun Syed Ahmad Shahabudin dan Toh Puan Marfuza Sheikh Mohd Osman, Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Ali Rustam, Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Tan Sri Bernard Dompok dan lebih 100,000 hadirin termasuk pelancong asing.

Abdul Kadir berkata konsep rumah terbuka ini akan diteruskan pada tahun hadapan dan dimulakan dengan Rumah Terbuka Tahun Baru Cina di Petaling Jaya pada 8 Feb 2003.

Beliau berkata kerjasama erat meraikan perayaan bersama dapat melahirkan generasi yang bersatu padu dan pembentukan satu masyarakat Malaysia yang lebih kukuh.

-- BERNAMA

SBS ROS